

30 JUN 1998

AWANA-PROJEK/I

AWANA RESORT AKAN TERUSKAN PROJEK RM100 JUTA

LANGKAWI, 30 Jun (Bernama) -- Awana Hotels & Resorts Management Sdn Bhd akan meneruskan projek pembangunan bercampur RM100 juta yang berasaskan pelancongan walaupun negara menghadapi kelembapan ekonomi.

Naib Presiden Eksekutif syarikat itu, Wong Choon Kee, berkata projek yang dijadualkan akan siap pada 2000, akan menjadi lambang kemegahan syarikat itu di Langkawi.

Projek itu akan dijalankan secara berperingkat, katanya selepas memberi taklimat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid mengenai kemajuan projek itu, di sini hari ini.

"Kami yakin dengan projek ini kerana tarikan jangka panjang Langkawi sebagai destinasi pelancongan," katanya.

Awana Hotels & Resorts adalah anggota kumpulan syarikat Genting.

Projek Langkawi ini termasuk menambah bilang bilik pusat peranginan syarikat itu daripada 175 kepada 300, membina restoran-restoran, kelab pantai, habitat batu karang, akuarium dan kolam ikan lumba-lumba.

Wong berkata kemudahan-kemudahan itu akan melengkap tarikan-tarikan seperti lorong bowling, dua pawagam kecil dan Terminal Jeti Star Cruise yang membolehkan kapal-kapal peranginan berlabuh.

Beliau berkata projek itu berdaya maju walaupun jumlah ketibaan pelancong adalah rendah.

-- BERNAMA

NH JR MA